

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	07 JUNE 2017

STRATEGI POLITIK 3P UNTUK JADI PM

Um - 7/6/2017
Pg. 10



**ZULKIFLEE
BAKAR**

zulkifleebakar@gmail.com

APA sebenarnya perjuangan Pakatan Harapan diketuai DAP? Apakah mereka hanya mahukan kuasa dengan menubuhkan Barisan Nasional (BN) melalui pendekatan politik 3P iaitu persepsi, putar belit dan pembohongan, sebelum berebut-rebut sesama mereka untuk menjadi Perdana Menteri (PM)?

Penulis masih ingat ketika mahu menggambarkan kesepakan pakatan pembangkang, salah seorang pemimpin kanan kerajaan yang kini menjadi salah seorang pemimpin pembangkang pernah memetik sebahagian firman Allah SWT dalam surah Al-Hasyr ayat 14 yang antara lain bermaksud, "...engkau menyangka mereka bersatu padu, sedangkan hati mereka berpecah belah..."

Tetapi itulah sandiwara politik yang sedang dimainkan oleh Pakatan Harapan. Mereka menonjolkan kepada rakyat kononnya mereka bersatu apabila bergabung dalam satu pakatan. DAP, PKR dan PAN sejak awal lagi mengkhabarkan kepada dunia bahawa mereka bersatu bagi menamatkan pemerintahan BN manakala Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) hanya mempunyai satu sahaja matlamat iaitu melunaskan dendam politik peribadi Pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri.

Bagi mencapai cita-cita itu, Pakatan Harapan yang ditolak mentah-mentah oleh sebuah lagi parti pembangkang iaitu Pas mengamalkan politik 3P dalam usaha meraih sokongan rakyat. Apa juga isu yang berlaku dalam pentadbiran negara akan diputarbelitkan bagi mewujudkan persepsi buruk rakyat terhadap kerajaan BN.

Justeru bukanlah satu perkara yang menghairankan apabila di dalam Pakatan Harapan ada Ahli Parlimen bertaraf 3P. Ia memandangkan dalam keadaan ketandusan modal dan idea bagi merencanakan pemerintahan BN,



NYAWA politik PPBM bagaikan berada di bawah telapak kaki DAP dan PKR sehingga terpaksa mengikut sahaja tindakan Pakatan Harapan biarpun mengetahui betapa dahsyatnya bahana politik 3P. - GAMBAR HIASAN

Pakatan Harapan tidak mempunyai banyak pilihan selain menggunakan strategi politik 3P.

Berikutan itulah dalam keadaan tertekan tersebut, Pakatan Harapan membangkitkan semula isu iMDB kerana hanya itu sahaja isu yang boleh membuka peluang kepada mereka untuk menimbulkan persepsi kepada rakyat kononnya kerajaan BN tidak bersih dan korup. Begitu juga apabila negara mencatatkan pertumbuhan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK), 'Pakar 3P' Pakatan Harapan cuba memainkan sentimen rakyat dengan bertanya sejauh manakah pertumbuhan ekonomi itu boleh sampai kepada rakyat.

Politik memutarbelitkan fakta itu sengaja dilakukan bagi menggambarkan kepada rakyat ketika kerajaan mengemukakan kejayaan meningkatkan ekonomi negara, rakyat sebenarnya tidak mendapat apa-apa, inilah pembohongan yang cuba dilakukan pemimpin Pakatan Harapan.

Walaupun pemimpin-pemimpin tersebut tahu apa yang mereka lakukan berdasarkan kepada persepsi, putar belit dan pembohongan tetapi mereka peduli apa? Bagi mereka apa yang penting pemikiran rakyat perlu terus diracuni untuk membenci kerajaan. Tindakan itu dilakukan kerana Pakatan Harapan melihat Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) adalah 'peluang terakhir' untuk mereka menubuhkan kerajaan BN dan sekali gus memerintah negara.

Sebab itulah ketika ini Pakatan Harapan mula bercakap soal siapa PM jika mereka menang. Anahnya calon pilihan utama mereka

ialah seorang banduan yang sedang menjalani hukuman penjara selepas didapati bersalah meliwat bekas pembantu peribadinya.

Keadaan itu membuktikan seolah-olah Pakatan Harapan tidak mempunyai tokoh lain selain individu tersebut. Sedangkan salah seorang pemimpin pembangkang yang dahulunya berada dalam kerajaan serta menjadi PM selama 22 tahun menulis dalam bukunya, "Jika beliau bukan Perdana Menteri, maka ia adalah kerana perbuatan beliau sendiri. Beliau tidak memberikan saya sebarang pilihan selain menyingkirkannya. Saya melakukan apa yang saya rasa terbaik untuk negara. Saya mungkin telah melakukan banyak kesilapan, tetapi menyingkirkannya." Utulah pandangan Dr. Mahathir terhadap Anwar tetapi sekarang Dr. Mahathir 'sudah insaf', beliau menandatangani petisyen mahukan Anwar dibebaskan. Semua ini adalah sandiwara politik terdesak yang dimainkan oleh Pakatan Harapan kerana terlalu teruja mahu mencapai kemenangan dalam PRU-14.

Baru-baru ini seorang Ahli Parlimen DAP menyatakan parti itu menerima kehadiran Dr. Mahathir yang suatu ketika dahulu adalah musuh ketat mereka. Kanya, kebanyakan pemimpin dan ahli DAP menyedari bekas Perdana Menteri itu sudah insaf dan tidak "bermain wayang" dengan Pakatan Harapan.

Mereka juga kagum dengan kesungguhan Dr. Mahathir bertungkus-lumus ke hulu ke hilir untuk meyakinkan rakyat menolak BN dalam pilihan raya umum

akan datang. 'Sekalung tahniah' kepada Dr. Mahathir yang kini bersedia menjadi 'kuda tunggangan' terbaru kepada Pakatan Harapan.

Namun Dr. Mahathir perlu memahami sehebat mana pun pengorbanan yang beliau lakukan, akhirnya beliau tetap akan dipinggirkan. Sebab itulah awal-awal lagi apabila Dr. Mahathir bercakap soal bersedia mempertimbangkan untuk menjadi PM semula, pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan terus 'melompat' termasuk yang terbaharu kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menegaskan, "Tak perlu sukarela, perlu dapatkan kata sepakat. Bukan untuk beliau tentukan tetapi Pakatan Harapan."

Sememangnya jawatan PM amat menjadi idaman Pakatan Harapan. Sebab itulah mereka bersedia melakukan pendekatan politik 3P. Mereka telah mencuba beberapa kali dalam pilihan raya umum sebelum ini tetapi gagal. Walaupun pendekatan politik 3P menyebabkan kerajaan BN kehilangan majoriti dua pertiga di Parlimen tetapi ia masih belum mampu menubuhkan parti yang telah memerintah negara sejak mereka tersebut.

Oleh itu, melalui penyer-taan PPBM, Pakatan Harapan merasakan mereka kuat. Ini memandangkan tokoh yang selama ini menentang politik 3P kini bersama mereka. Mana mungkin Dr. Mahathir dan Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin akan bersuara menegur Pakatan Harapan jika mereka mengamalkan politik 3P. Nyawa politik PPBM bagaikan berada di telapak kaki DAP dan PKR. Oleh itu mahu tidak mahu mereka terpaksa mengikut sahaja tindakan Pakatan Harapan, biarpun mengetahui betapa dahsyatnya bahana politik 3P ketika berada dalam kerajaan.

Tetapi inilah politik, sehebat mana pun tokoh itu akhirnya ia tunduk juga dengan nafsu dan amarah politiknya biarpun yang menjadi taruhan adalah agama dan bangsanya sendiri, manakala bagi parti yang kemaruk kuasa, akhirnya menggunakan pendekatan matlamat menghalalkan cara termasuk politik 3P untuk mencapai impian mereka, malang bagi rakyat yang terpedaya dengan kelompok ini.